



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

AHAD, 31 DISEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

UKK KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

31/12/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|-----|---|---------------|
| 1 | K.A.S.I.H KPWKM BANGUNKAN MASYARAKAT SEJAHTERA | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/k-a-s-i-h-kpwkm-bangunkan-masyarakat-sejahtera/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/12/30/kpwkm-bangunkan-masyarakat-madani/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|-----|---|-------------------|
| 2 | 'NEVER HEARD OF IT', SAYS NANCY ON DUBAI MOVE | |
| | https://www.theborneopost.com/2023/12/30/never-heard-of-it-says-nancy-on-dubai-move/ | THEBORNEOPOST.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|-----|---|-----------------|
| 3 | 20 KELUARGA BESAR MAMPU DITEMPATKAN DI PPS DEWAN SINARAN | |
| | https://suarasarawak.my/20-keluarga-besar-mampu-ditempatkan-di-pps-dewan-sinaran/ | SUARASARAWAK.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|-----|---|-------------------|
| 4 | 456 PETUGAS JKM NEGERI SEMBILAN SIAP SIAGA HADAPI MTL | |
| | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/456-petugas-jkm-negeri-sembilan-siap-siaga-hadapi-mtl | BERITA.RTM.GOV.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=2QNc7DaeAj8 | YOUTUBE |



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

31/12/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|-----|---|---------------------|
| 5 | JKM SARAWAK RANCANG TAMBAH DUA DEPOH SIMPANAN KEPERLUAN BENCANA: FATIMAH | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/12/30/jkm-sarawak-rancang-tambah-dua-depoh-simpanan-keperluan-bencana-fatimah | UTUSANBORNEO.COM.MY |
| | https://tvstv.my/2023/12/30/pangkalan-hadapan-di-sarawak-sudah-dilengkapi-persiapan-banjir-fatimah/ | TVSTV.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|-----|---|---------------------|
| 6 | KES ZAYN RAYYAN: POLIS TUNGGU LAPORAN SEMAKAN INTERPOL | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-zayn-rayyan-polis-tunggu-laporan-semakan-interpol-452064 | ASTROAWANI.COM |
| | https://malaysiagazette.com/2023/12/30/bunuh-zayn-polis-tunggu-laporan-semakan-interpol-hussein/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|-----|---|----------------|
| 7 | POLIS BUKA KERTAS SIASATAN KES VIDEO TULAR ASKAR PUKUL BINI | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1045458/polis-buka-kertas-siasatan-kes-video-tular-askar-pukul-bini | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/12/30/tentera-disyaki-cederakan-isteri-disiasat/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/jenayah/2023/12/anggota-tentera-pukul-isteri-polis-buka-kertas-siasatan/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/12/1194144/polis-siasat-anggota-tentera-pukul-ugut-bunuh-isteri | BHARIAN.COM.MY |



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

K.A.S.I.H KPWM bangunkan masyarakat sejahtera



KPWM turut mempromosikan kempen #KatakanTidakKepadaGangguanSeksual sepanjang 2023.

Penubuhan tribunal ini bertujuan menyediakan satu platform alternatif bagi menambah baik sistem perundangan dan pengendalian aduan gangguan seksual dengan cepat, mudah dan kos yang minimum serta menyediakan platform bagi satu hak tebus rugi kepada mangsa yang telah diganggu secara seksual.

matrioni, semua dasar, pekan, tabakan, perkhidmatan dan bantuan ajajaran berpancainan kepada konsep ini yang selari dengan konsep Malaysia MADANI.

Tujuh konsep K.A.S.I.H telah dilaksanakan menerusi pelbagai inisiatif dan program memuktamadkan komitmen tinggi KPWM dalam membangunkan masyarakat sejahtera secara inklusif dan saksama melalui inovasi sosial dan kebijakan produktif seperti berikut:

- ☑ Menyediakan persekitaran yang selamat untuk semua
- ☑ Memperkukuh institusi kekeluargaan
- ☑ Menjamin hak dan kesejahteraan kanak-kanak
- ☑ Memperkasa wanita
- ☑ Mendayaupaya Orang Kurang Upaya (OKU)
- ☑ Meningkatkan kesejahteraan warga emas
- ☑ Merakyatkan perkhidmatan psikososial

Menyediakan persekitaran yang selamat untuk semua



Skuad Waja di bawah KPWM antara yang aktif meningkatkan kesedaran wanita terhadap isu jenayah dan keganasan.

Dalam usaha untuk menyediakan persekitaran yang selamat untuk semua, penggabungan dan pewartaan Akta Antigungguan Seksual 2022 (Aka 840) (AAGS) dilaksanakan sebagai suatu dasar baharu yang lebih inklusif dalam menangani perkara gangguan seksual.

AAGS mengambil

kira kepentingan untuk mendidik dan meningkatkan pemahaman serta kesedaran rakyat tentang betapa seriusnya isu yang melibatkan gangguan seksual sebelum akta ini dikuatkuasakan sepenuhnya.

Selaras dengan penguatkuasaan fasa pertama AAGS, KPWM telah menggerakkan usaha penubuhan Tribunal Anti Gangguan Seksual yang akan beroperasi pada tahun hadapan.

Penubuhan tribunal ini bertujuan menyediakan satu platform alternatif bagi menambah baik sistem perundangan dan pengendalian aduan gangguan seksual dengan cepat, mudah dan kos yang minimum serta menyediakan platform bagi satu hak tebus rugi kepada mangsa yang telah diganggu secara seksual.

Memperkukuh institusi kekeluargaan

Bagi menyokong dan mengiktiraf sistem sokongan keluarga yang membantu ke arah pembangunan negara sejahtera dan pembinaan daya tahan, bulan November setiap tahun telah diisytiharkan sebagai Bulan Keluarga Kebangsaan (BKk).

la bagi menghargai kepentingan institusi keluarga sebagai asas cerminan kepada masyarakat yang stabil dan sejahtera.

Program Berimpak Tinggi

Kempen Kesedaran Kanser Reprodktif Wanita (WCaRe) telah dilaksanakan bagi menyokong pembangunan institusi keluarga.

Kempen ini menaungi Program Subsidy Ujian Mamogram dan Program Saringan Kanser Serviks bagi meningkatkan jumlah wanita yang menjalani saringan awal dan penerima intervensi awal selepas mendapat saringan.

KPWM juga telah menggerakkan perancangan gerak kerja penubuhan Pusat Subfertiliti Negara pertama yang bakal ditubuhkan dalam tempoh lima tahun dari sekarang sebagaimana diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12.

Menjamin hak dan kesejahteraan kanak-kanak

Sebagai kesinambungan kepada usaha untuk menjamin hak dan kesejahteraan kanak-kanak, KPWM telah mengambil inisiatif menubuhkan Jabatan Pembangunan Kanak-kanak (JPKK) yang telah berkuat kuasa mulai 1 September 2023 bagi menggantikan Bahagian Kanak-kanak di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

JPKK bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan pemeliharaan, perlindungan, pemulihan dan pembangunan kepada kanak-kanak yang mengalami penganiayaan, penderaan, pengabaian, pengesplotasian, kesalahan jenayah dan keruntuhan atkialk bagi mencegah dan mengurangkan masalah sosial.



Memperkasa hak wanita antara agenda yang diperjuangkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia.

seramai 5,600 orang wanita terdiri daripada golongan suri rumah, B40, M40, ibu tunggal dan Ketua Isi Rumah wanita.

Kejayaan program ini telah menarik minat pihak PRASARANA Malaysia Berhad untuk menaja kiosk pemliagaan kepada 40 peserta Wanita Bangkit bagi memasarkan produk mereka di 3 stesen LRT terpilih.

Mendayaupaya Orang Kurang Upaya (OKU)

Bagi mendayaupaya OKU mampun selaras dengan konsep Malaysia MADANI, KPWM telah mempergiatkan usaha mendaftarkan OKU bagi memastikan golongan ini tidak terencil dan dapat menikmati kemudahan-kemudahan yang ditawarkan pihak Kerajaan serta swasta.

Sehingga 31 Oktober 2023 terdapat 681,074 OKU berdaftar di bawah tujuh kategori ketidakupayaan berdasarkan janaan Sistem Pengurusan Maklumat OKU (SMOKU). Kelebihan pendaftaran ini membolehkan mereka menikmati hampir 30 kemudahan dan keistimewaan yang disediakan oleh pihak Kerajaan dan swasta.

Meningkatkan kesejahteraan warga emas

Sebagai persediaan ke arah status negara tua menjelang 2030, KPWM telah mengambil langkah proaktif dengan penyediaan draf Rang Undang-Undang (RUU) Warga Emas yang bertujuan untuk menjaga kesejahteraan golongan itu meliputi perlindungan kebajikan dan hak asasi serta pemerikasaan warga emas.

KPWM juga mengambil inisiatif mengaji semula Pelan Tindakan Dasar Warga Emas Negara (PWTEEN) dan Dasar Warga Emas Negara (DWEN) berikutan cabaran perubahan demografi warga emas menjelang 2030 dalam usaha memantapkan aspek penjagaan dan kebajikan golongan ini.

Merakyatkan perkhidmatan psikososial

Bagi mewujudkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera mental, KPWM telah melaksanakan misi 'Kami Dengar, Kami Bantu' iaitu satu usaha untuk memberi sokongan emosi kepada masyarakat dengan mendektakan dan membudayakan perkhidmatan kaunseling kepada mereka.



Agenda memperkasa Warga Emas menjadi antara agenda penting KPWM bagi persediaan ke arah Negara Tua 2030.

KPWM telah melancarkan perkhidmatan tele-kaunseling bebas tol iaitu Talian Kasih 15999 yang beroperasi selama 24 jam sehari selama 365 hari setahun bagi memudahkan masyarakat mendapat akses kepada perkhidmatan kaunseling pada bila-bila masa.

Terdapat seramai 528 kaunselor di bawah Lembaga Kaunselor (Malaysia) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat telah terlibat untuk memberikan perkhidmatan ini.

Kejayaan pelbagai inisiatif dan program-program berimpak tinggi ini memperlihatkan gabungan mntap pasukan kerja KPWM yang diterajui oleh Datuk Seri Nancy Shukry bermula 3 Disember 2022 dengan dibantu oleh Datuk Dr. Maziah Che Yusuff sebagai Ketua Setiausaha.

KPWM telah berjaya memaksimumkan fungsinya bagi memperkukuh institusi kekeluargaan, memperkasa wanita dan mengurusperndakan gender, menjamin hak dan kesejahteraan kanak-kanak, mendaya upaya

OKU dan kumpulan khusus serta meningkatkan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk membina sistem sokongan yang berkesan dan menyeluruh. – UTUSAN



| 'Never heard of it', says Nancy on Dubai Move

BY NUR SHAZREENA ALI ON DECEMBER 30, 2023, SATURDAY AT 4:16 PM

SARAWAK



Datuk Seri Nancy Shukri said that she had not heard anything about the move which was an attempt to overthrow the Unity Government. – Bernama photo

KUCHING (Dec 30): Santubong MP Dato Seri Nancy Shukri has refuted claims that she and other Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) MPs had given their support to the Dubai Move (Langkah Dubai).

Nancy, who is also Federal Women, Family and Community Development Minister, said that she had not heard anything about the move which was an attempt to overthrow the Unity Government.

"Never heard of it," she told *The Borneo Post* when asked to comment on the alleged meeting involving some MPs from PBB, (Barisan Nasional) BN, Parti Islam Se-Malaysia (PAS) and Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) in Dubai to overthrow the Unity Government.

The allegation which was dubbed as the Dubai Move, was speculated as another plot to topple the current administration headed by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

The Dubai Move surfaced as some opposition leaders had met certain quarters from government officials during their recent vacation in the capital city of the United Arab Emirates (UAE).

It claimed that the meeting took place to discuss and assign specific tasks to 'agents' responsible for identifying MPs who might switch support to the opposition through inducements, solely to establish a backdoor government.

It also claimed that the PBB was offered to sit the Prime Minister post alongside with a greater autonomy up to 20 per cent oil revenue royalties to Sarawak.



20 keluarga besar mampu ditempatkan di PPS Dewan Sinaran



Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Kesejahteraan Masyarakat Datuk Seri Fatimah Abdullah

KUCHING: Pusat Pemindahan Sementara (PPS) terletak di Dewan Sinaran, Kampung Sungai Lumut mampu menempatkan 20 keluarga besar sekiranya berlaku bencana banjir Monsun Timur Laut (MTL) kelak.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Kesejahteraan Masyarakat Datuk Seri Fatimah Abdullah berkata, ia salah satu daripada 627 PPS yang ada di negeri memuatkan seramai 162,000 mangsa bencana dalam satu masa.

"Kita tahu bahawa cuaca akan berubah dalam masa terdekat. Maknanya, kita harus bersedia untuk menghadapi situasi berkenaan.

"Berdasarkan tinjauan hari ini (semalam), kita baru ada dua bilik kecil (cubicle) yang disediakan di PPS ini. Jadi, kita mahu pastikan di sini ada sekurang-kurangnya 20 bilik kecil.

"Dari segi susun aturnya pula, kita mahu pastikan ia sesuai bagi aktiviti dilakukan untuk kanak-kanak, selesa untuk berehat, ruang solat tersedia selain mewujudkan tempat pendaftaran kepada mangsa," katanya.

Beliau berkata demikian selepas meninjau kesiapsiagaan menghadapi bencana banjir Monsun Timur Laut (MTL) di Dewan Sinaran, Kpg Sg Lumut, di sini, hari ini.


Pada masa sama tambahnya, PPS ini juga bakal menyediakan tempat untuk rawatan kesihatan serta menawarkan sesi kaunseling kepada mangsa.

"Kita perlu berada di 'gear 3' sekarang ini. Persiapan kita dari segi bekalan makanan hingga ke pengangkutan, kita semua sudah bersedia," jelasnya ringkas.

Sementara, Pengarah Pejabat Meteorologi Sarawak Khairul Najib Ibrahim turut hadir membuat tinjauan di PPS Dewan Sinaran, Kampung Sungai Lumut.



Fatimah bersama-sama yang lain ketika meninjau PPS di Dewan Sinaran, Kampung Sungai Lumut



456 petugas JKM Negeri Sembilan siap siaga hadapi MTL

Kategori: Nasional - Kemas kini: 30 Disember 2023 11:31 AM - Jumlah kunjungan: 156



SEREMBAN, 30 Disember– Seramai 456 orang petugas Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Sembilan bersiap siaga bagi menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) yang sedang berlaku di seluruh negara.

Menurut Pengarah JKM, Rosnah Sardi, jumlah tersebut merangkumi 286 orang kakitangan dan lapan orang kaunselor JKM, 26 orang ahli Psychological Support Team (PST) serta 154 orang sukarelawan kebajikan dengan kerjasama Pejabat Daerah selaku agensi utama dalam pengurusan bencana di daerah terlibat dan jabatan penyelamat seperti Angkatan Pertahanan Awam (APM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

"Pada 8 dan juga 9 September yang lalu, kita sudah membuat satu simulasi bencana di pusat pemindahan dan juga simulasi menyelamat bagi mangsa-mangsa. Kita buat di Dewan Besar Gemas, Tampin melibatkan seluruh negeri bersama-sama agensi seperti APM, PDRM, Bomba.kita juga panggil Pejabat Daerah yang merupakan agensi utama dalam pengurusan bencana untuk hadir dalam simulasi tersebut.

"Dalam pada sama juga, kita juga membuat satu taklimat kepada sukarelawan dan juga ahli komuniti seluruh di negeri, di sekolah-sekolah di PPS, untuk kita berikan input yang terbaru berkaitan dengan kesiap siagaan bencana", kata Rosnah yang ditemui pemberita pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat di Wisma Negeri di sini.


Menurutnya lagi, seluruh stor daerah JKM Negeri Sembilan juga telah dibekalkan barangan bencana seperti toto, tikar, bantal, pakaian dan kit kebersihan diri bagi kegunaan penduduk yang terjejas di Pusat Pemindahan Sementara (PPS)

Dalam pada itu, Rosnah turut memaklumkan negeri berkenaan telah bersedia bagi menghadapi musim Monsun Timur Laut. Menurut Rosnah, 221 buah Pusat Pemindahan Sementara (PPS) yang mampu menampung kira-kira 68,860 orang pada satu masa akan dibuka sekiranya diperlukan.

Tambahnya, pihaknya kini bersiap siaga dan telah menerima 3,000 pek makanan retort untuk dibekalkan ke setiap PPS yang dibuka.

"Untuk makluman, kita juga ada 35 PPS yang masih aktif dan boleh menempatkan 7,290 mangsa terjejas.

"Kita sudah bersedia bersama Pejabat Daerah. Mereka telah memperbaiki mana-mana fasiliti yang rosak dan kita bersedia menerima mangsa-mangsa bencana itu nanti", kata Rosnah.



JKM Sarawak rancang tambah dua depoh simpanan keperluan bencana: Fatimah

© 2023-12-30T15:37:38+08:00



Fatimah ketika ditemui media selepas meninjau kesiapsiagaan menghadapi kemungkinan bencana banjir MTL di Dewan Sinaran Kampung Sungai Lumut, hari ini. - Gambar Chimon Upon

SANTUBONG: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sarawak merancang untuk menambah dua depoh simpanan keperluan bencana di negeri ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, ia bagi menambah stok makanan dan keperluan harian sebagai langkah meningkatkan persediaan dan kesiapsiagaan dalam menghadapi kemungkinan bencana banjir.

“Setakat ini, Sarawak hanya mempunyai sebuah depoh yang besar di Samarahan dengan kapasiti simpanan maksimum sebanyak 420 tan.

“Jadi insya-Allah, kita akan minta kepada kerajaan negeri untuk menambah dua lagi depoh simpanan seumpama ini di Sarawak iaitu satu di zon tengah dan satu lagi di zon utara,” ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas meninjau kesiapsiagaan menghadapi kemungkinan bencana banjir Monsun Timur Laut (MTL) di Dewan Sinaran Kampung Sungai Lumut di sini, hari ini.

Menurut Fatimah, depoh simpanan itu digunakan untuk menyimpan atau memuatkan bekalan makanan dan keperluan lain termasuk tilam, bantal, selimut dan sebagainya.

Ia katanya, berfungsi sebagai tempat penyimpanan, persediaan dan pengagihan bekalan barangan dan keperluan mangsa bencana, misalnya untuk pusat pemindahan sementara (PPS).

“Ini antara usaha yang kita sebagai persediaan menghadapi banjir di negeri ini,” katanya.


Selain itu, Fatimah memberitahu, JKJ Sarawak juga sudah mengisi bekalan barangan keperluan di semua 29 pangkalan hadapan.

Pangkalan hadapan katanya, terletak di kawasan mudah terjejas banjir, jauh dan penghantaran bantuan sukar akibat terputus hubungan.

“Fokus kita agar makanan dapat terus diagihkan kepada mangsa bencana agar mereka tidak terputus bekalan disebabkan bencana yang menimpa.

“Kemudiannya, jawatankuasa yang dilantik terdiri daripada ketua kaum, tuai rumah akan bersama dengan JKJ mengagihkan bantuan itu ke rumah mangsa bencana banjir.

“Ini kerana kita maklum bahawa ada yang terputus bekalan makanan kerana ada antara mereka tidak berpindah ke PPS,” jelas beliau.



Kes Zayn Rayyan: Polis tunggu laporan semakan Interpol

Sinar Harian
Disember 30, 2023 20:00 MYT



Hussein Omar Khan berkata, semakan itu berkaitan beberapa maklumat yang diperolehi hasil siasatan setakat ini. - Gambar fail/Bernama

SHAH ALAM: Polis Diraja Malaysia (PDRM) masih menunggu maklum balas daripada Polis Antarabangsa (Interpol) berkaitan semakan pangkalan data bagi membantu siasatan kes bunuh kanak-kanak autisme, Zayn Rayyan Abdul Matiin.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan berkata, semakan itu berkaitan beberapa maklumat yang diperolehi hasil siasatan setakat ini.

"Setakat ini pihak polis belum ada terima maklum balas daripada mereka (Interpol), kita masih menunggu semakan pangkalan data Interpol bagi membantu siasatan kes ini.

"Siasatan masih dijalankan termasuk operasi pencarian bukti di Apartmen Idaman, Damansara Damai, Petaling Jaya," katanya pada Sabtu.

Tambahnya, polis juga telah merekodkan 225 rakaman percakapan bagi kes bunuh ini setakat Khamis.

Tambah Hussein, pihaknya juga telah mengambil 248 sampel asid deoksiribonukleik (DNA) individu untuk tindakan lanjut.

Minggu lalu, media melaporkan, polis meminta bantuan Interpol bagi membantu siasatan kes Zayn Rayyan.

Fokus siasatan polis kini adalah untuk mengesan 'prime crime scene' atau tempat kejadian jenayah pertama di mana lokasi sebenar Zayn Rayyan dibunuh.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Seri Shuhaily Mohd Zain memaklumkan Zayn Rayyan berkemungkinan meninggal dunia di tempat lain sebelum mayatnya diletakkan di tempat kejadian.

Mangsa juga kemungkinan sudah 48 jam meninggal dunia dengan kesan kecederaan di leher.



Polis buka kertas siasatan kes video tular askar pukul bini

Meor Riduwan Meor Ahmad
am@hmetro.com.my



Melaka: Polis Kontinjen Melaka membuka kertas siasatan berhubung video tular memaparkan seorang anggota tentera 'naik tangan' ke atas isterinya di sebuah flat di Sungai Udang.

Ketua Polis Melaka, Datuk Wira Zainol Samah berkata, video berdurasi 32 saat itu tular sejak semalam menerusi satu hantaran dengan pautan di aplikasi X.

Menurutnya, siasatan polis mendapati kejadian itu pada 15 Disember lalu dan satu laporan polis diterima daripada seorang wanita berusia 38 tahun kerana dipukul oleh suaminya seorang anggota tentera.

"Siasatan juga mendapati suami mangsa yang berusia 25 tahun bekerja di sebuah kem di Sungai Udang dan kejadian itu berlaku di sebuah flat di kawasan berkenaan.

"Setakat ini, polis sudah memanggil lelaki itu untuk dirakam percakapan bagi membantu siasatan," katanya dalam kenyataan media.

Beliau berkata, berdasarkan kepada laporan mangsa, pihaknya membuka satu kertas siasatan mengikut Seksyen 18A Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 dan Seksyen 323 Kanun Keseksaan.


Sementara itu, berdasarkan rakaman itu, kedengaran suara seorang wanita merayu-rayu supaya suaminya bertenang dan menyelesaikan isu antara mereka secara baik.

"Abang janganlah abang... tak nak... sakit, tak nak...," katanya.

Bagaimanapun, suaminya yang memakai uniform lengkap tetap berkeras dan menjerit mengarahkan isterinya masuk ke rumah dengan suara yang tinggi.

Lebih mengejutkan, lelaki itu didakwa turut mengugut untuk membunuh isterinya dan kelihatan memegang sesuatu dan mengacukan kepada mangsa.

Kelihatan juga beberapa jiran cuba menenangkan keadaan, namun tidak dihiraukan oleh lelaki itu.



TAJUK : POLICE SIASAT ANGGOTA TENTERA PUKUL, UGUT BUNUH ISTERI

HARI : AHAD

AKHBAR : BERITA HARIAN AHAD

TARIKH : 31 DIS 2023

M/SURAT : 18

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Polis siasat anggota tentera pukul, ugut bunuh isteri

Melaka: Polis membuka kertas siasatan berhubung video tular memaparkan seorang anggota tentera memukul dan mengugut untuk membunuh isterinya di sebuah flat di Sungai Udang.

Ketua Polis Melaka, Datuk Wira Zainol Samah, berkata polis mengesan video berdurasi 32 saat yang tular sejak semalam menerusi satu hantaran di pautan aplikasi X.

Menurutnya, siasatan polis mendapati kejadian itu pada 15 Disember lalu dan satu laporan polis diterima daripada seorang wanita berusia 38 tahun kerana dipukul suaminya seorang anggota tentera.

"Siasatan juga mendapati suami mangsa yang berusia 25 tahun

bekerja di sebuah kem di Sungai Udang dan kejadian di sebuah flat di kawasan berkenaan.

"Setakat ini polis sudah memanggil lelaki itu untuk dirakam percakapan bagi membantu siasatan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, berdasarkan laporan mangsa pihaknya membuka satu kertas siasatan mengikut Seksyen 18A Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 dan Seksyen 323 Kanun Keseksaan kerana mencederakan.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara maksimum setahun atau denda maksimum RM2,000 atau kedua-duanya jika disabitkan kesalahan.

Sementara itu, berdasarkan

rakaman itu, kedengaran suara seorang wanita merayu-rayu supaya suaminya bertenang dan menyelesaikan isu antara mereka secara baik.

"Abang janganlah abang... tak nak... sakit, tak nak...," katanya.

Bagaimanapun, suaminya yang memakai uniform lengkap tetap berkeras dan menjerit menarahkan isterinya masuk ke rumah dengan suara tinggi.

Lebih mengejutkan lelaki itu turut mengugut untuk membunuh isterinya dan kelihatan memegang sesuatu dan mengacukan kepada mangsa.

Kelihatan juga beberapa jiran cuba menenangkan keadaan, namun tidak dihiraukan lelaki itu.



Video memaparkan seorang anggota tentera memukul dan mengugut untuk membunuh isterinya di sebuah flat di Sungai Udang.



TAJUK : POLIS BUKA KERTAS SIASATAN

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 31 DIS 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

INSIDEN TENTERA PUKUL ISTERI

Polis buka kertas siasatan

Melaka: Polis Kontinjen Melaka membuka kertas siasatan berhubung video tular memaparkan seorang anggota tentera 'naik tangan' ke atas isterinya di sebuah flat di Sungai Udang.

Ketua Polis Melaka, Datuk Wira Zainol Samah berkata, polis mengesan video berdurasi 32 saat itu tular sejak kelmarin.

Menurutnya, siasatan polis mendapati kejadian itu berlaku pada 15 Disember lalu dan satu laporan polis diterima daripada seorang wanita Melayu berusia 38 tahun yang dipukul suaminya seorang anggota tentera.

"Siasatan mendapati suami mangsa yang berusia 25 tahun bekerja di sebuah kem tentera di Sungai Udang dan kejadian berlaku di sebuah flat di kawasan berkenaan.

"Setakat ini polis sudah memanggil lelaki itu untuk dirakam percakapan bagi membantu siasatan," katanya semalam.

Beliau berkata, berdasarkan kepada laporan mangsa, pihaknya membuka satu kertas siasatan mengikut Seksyen 18A Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 dan Seksyen 323 Kanun Keseksaan kerana mencederakan.

Katanya, seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara maksimum setahun atau denda maksimum RM2,000 atau ke-

dua-duanya jika disabitkan kesalahan.

Sementara itu, berdasarkan rakaman tular itu, kedengaran suara seorang wanita merayu-rayu supaya suaminya bertenang dan menyelesaikan isu antara mereka secara baik.

"...Abang janganlah abang...tak nak...sakit, tak nak..." katanya.

Bagaimanapun, suaminya yang memakai uniform lengkap tetap berkeras dan menjerit mengarahkan isterinya masuk ke rumah dengan suara yang tinggi.

Malah, lebih mengejutkan lelaki itu turut mengugut untuk membunuh isterinya dan kelihatan memegang sesuatu dan mengacukan kepada mangsa.

Kelihatan beberapa jiran cuba menenangkan keadaan, namun tidak dihiraukan oleh lelaki itu.

"Siasatan polis mendapati kejadian itu berlaku pada 15 Disember lalu dan satu laporan polis diterima daripada seorang wanita Melayu berusia 38 tahun yang dipukul suaminya seorang anggota tentera"



TAJUK : PROBE INTO ALLEGED WIFE ABUSE

HARI : AHAD

AKHBAR : NEW SUNDAY TIMES

TARIKH : 31 DIS 2023

M/SURAT : 14

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

VIRAL VIDEO

Probe into alleged wife abuse

SUNGAI UDANG: Melaka police have started an investigation into a viral video showing a military staff member allegedly assaulting his wife in a flat in Sungai Udang.

Melaka police chief Datuk Zainol Samah said the 32-second video had gone viral since Friday on X.

He said an investigation showed the incident happened on Dec 15.

A police report was lodged by a 38-year-old woman, who claimed to have been assaulted by her 25-

year-old husband, a military staff member.

"It was also found that the victim's husband works at a camp in Sungai Udang and that the incident took place in a flat in that area.

"Police have summoned the man to have his statement recorded."

Zainol said police had initiated an investigation under Section 18A of the Domestic Violence Act 1994 and Section 323 of the Penal Code.

In the video recording, a wom-


an's voice can be heard pleading with her husband to calm down and to resolve the issue between them amicably.

"*Abang* (dear), please, *abang...* please don't... it hurts, don't..."

The husband, in full uniform, is seen shouting and demanding that his wife enter the house.

The man is also accused of threatening to kill his wife, and is seen holding something and pointing it at the victim.

Several neighbours can be seen trying to calm them, but they are ignored by the man.



TAJUK : 34,000 SOUTHERN VOLUNTEERS ON STANDBY AND READY TO ACT

HARI : AHAD

AKHBAR : SUNDAY STAR

TARIKH : 31 DIS 2023

M/SURAT : 07

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

34,000 Southern Volunteers on standby and ready to act

By **MOHD FARHAAN SHAH**
farhaan@thestar.com.my

JOHOR BARU: Johor has put its more than 34,000-strong Southern Volunteers on standby to deal with the floods.

Deputy State Secretary (sports, youth, and volunteering) Datuk On Jabbar Jaafar said the Southern Volunteers had already handed out aid such as basic necessities to

flood victims in Segamat and Mersing.

"Each district in Johor has its own Southern Volunteers team. Right now, some of our members are cleaning houses in Segamat that have been hit by floods.

"As it is currently the monsoon season, which is expected to last until March next year, our Southern Volunteers are ever ready to provide help when floods

hit," he said when contacted.

On Jabbar said more heavy rain is predicted to hit Johor, adding that the authorities were constantly monitoring weather reports from the Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia) as well as from other agencies involved in flood operations.

"This will help us to know when and where the next flood wave will happen. Having such reliable


information is key for us in mobilising the Southern Volunteers and providing aid for victims at temporary relief centres."

On Jabbar added that there are currently 34,716 Southern Volunteers members spread throughout Johor, and 10,298 of them were youth.

As for the number of Covid-19 cases that has been increasing of late, he said the Southern

Volunteers were required to abide by the guidelines and standard operating procedure to prevent infections.

"As it is also the Covid-19 season, our members must always be in good health. They must always wear a face mask when they provide assistance either at relief centres or cleaning flood-hit houses, to safeguard themselves and others," On Jabbar added.



TAJUK : TWO GIRLS FOUND UNATTENDED IN KOTA SENTOSA PICKED UP BY PARENTS, SAY PADAWAN POLICE

HARI : AHAD AKHBAR : THE SUNDAY POST

TARIKH : 31 DIS 2023 M/SURAT : 09

TONE : NEGATIF SEKTOR : KPWKM

Two girls found unattended in Kota Sentosa picked up by parents, say Padawan police

KUCHING: The two girls found by a passer-by at an abandoned building in Kota Sentosa have been picked up by their parents at the Kota Sentosa police station.

Padawan District police chief Supt Abang Zainal Abidin Abang Ahmad, when contacted, said the girls were returned to their

parents safely.

“The Welfare Department (JKM) Sarawak has been informed about the incident and so far, we have not taken any action against the parents, as we did not receive any complaints,” he said.

The children were found

unattended by any adults at an abandoned building behind a supermarket in Kota Sentosa on Friday, at 2pm, by a member of the public.

They were then brought to the police station for further action.

Based on various comments by netizens, the girls are usually

seen with their parents foraging second-hand or discarded items in the Kota Sentosa area.

Netizens also expressed their relief that the children were found by a kind-hearted person, who sent them directly to the police station for their own safety.



TAJUK : JKM RANCANG DUA LAGI DEPOH SIMPANAN KEPERLUAN BENCANA

HARI : AHAD

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 31 DIS 2023

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

JKM rancang dua lagi depoh simpanan keperluan bencana

Ia sebagai langkah tingkat kesiapsiagaan hadapi banjir di Sarawak

Oleh Marinda Mardzuki

SANTUBONG: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sarawak merancang untuk menambah dua depoh simpanan keperluan bencana di negeri ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, ia bagi menambah stok makanan dan keperluan harian sebagai langkah meningkatkan persediaan dan kesiapsiagaan dalam menghadapi kemungkinan bencana banjir.

“Setakat ini, Sarawak hanya mempunyai sebuah depoh yang besar di Samarahan dengan kapasiti simpanan maksimum sebanyak 420 tan.

“Jadi insya-Allah, kita akan minta kepada kerajaan negeri untuk menambah dua lagi depoh simpanan seumpama ini di Sarawak iaitu satu di zon tengah dan satu lagi di zon utara,” ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media se-

“Jadi insya-Allah, kita akan minta kepada kerajaan negeri untuk menambah dua lagi depoh simpanan seumpama ini di Sarawak iaitu satu di zon tengah dan satu lagi di zon utara.”

Dato Sri Fatimah Abdullah
Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti

lepas meninjau kesiapsiagaan menghadapi kemungkinan bencana banjir Monsun Timur Laut (MTL) di Dewan Sinaran Kampung Sungai Lumut di sini, semalam.

Menurut Fatimah, depoh simpanan itu digunakan untuk menyimpan atau memuatkan bekalan makanan dan keperluan lain termasuk tilam, bantal, selimut dan sebagainya.

Ia katanya, berfungsi sebagai tempat penyimpanan, persediaan dan pengagihan bekalan barangan dan keperluan mangsa bencana, misalnya untuk pusat pemindahan sementara (PPS).

“Ini antara usaha yang kita

sebagai persediaan menghadapi banjir di negeri ini,” katanya.

Selain itu, Fatimah memberitahu, JKM Sarawak juga sudah mengisi bekalan barangan keperluan di semua 29 pangkalan hadapan.

Pangkalan hadapan katanya, terletak di kawasan mudah terjejas banjir, jauh dan penghantaran bantuan sukar akibat terputus hubungan.

“Fokus kita agar makanan dapat terus diagihkan kepada mangsa bencana agar mereka tidak terputus bekalan disebabkan bencana yang menimpa.

“Kemudiannya, jawatankuasa yang dilantik terdiri



KOMEN: Fatimah ketika ditemui media selepas meninjau kesiapsiagaan menghadapi kemungkinan bencana banjir MTL di Dewan Sinaran Kampung Sungai Lumut, semalam. — Gambar Chimon Upon

daripada ketua kaum, tuai rumah akan bersama dengan JKM mengagihkan bantuan itu ke rumah mangsa bencana banjir.

“Ini kerana kita maklum bahawa ada yang terputus bekalan makanan kerana ada antara mereka tidak berpindah ke PPS,” jelas beliau.